

25 OCT 2001
OPEC-SIDANG
SIDANG DAN PAMERAN ASCOPE TARIK BANYAK PESERTA

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Persidangan dan Pameran ketujuh Majlis Asean mengenai Petroleum (ASCOPE), bertema "Mara Ke Arah Orde Baru dalam Industri Minyak dan Gas", telah menarik penyertaan luas daripada semua negara Asean dan bukan Asean dijadualkan dari 5-8 November di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Petronas akan menjadi tuan rumah kepada persidangan itu dan kira-kira 30 penceramah terdiri daripada para pakar industri, pembuat dasar dan keputusan telah mengesahkan penyertaan mereka.

Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad dijangka hadir pada majlis itu dengan jamuan makan tengah hari khas diadakan pada 7 November.

Setiausaha Agung OPEC, Dr Ali Rodgrigues Araque akan menyampaikan satu kertas kerja bertajuk "Membentuk Orde Baru di dalam Industri Petroleum: Cabaran di Hadapan" pada 5 November.

Acara tahun ini akan memaparkan dan menarik perhatian kepada Orde Baru yang muncul di dalam industri minyak dan gas seluruh dunia dalam bersaing dengan perubahan struktur yang berlaku di dalam industri itu.

Para peserta yang menghadiri persidangan itu akan mendapat maklumat terkini mengenai isu-isu yang menghadapi industri itu.

Ia juga akan menyentuh mengenai jaminan tenaga dan pembangunan mapan dan peluang-peluang dan cabaran-cabaran di dalam aktiviti hulu industri itu dan rangkaian perniagaan hiliran nilai ditambah.

Projek Trans-ASEAN Gas Pipeline (TAGP) dicadangkan, tajuk kegemaran ASCOPE, akan dibincangkan pada persidangan itu.

Persidangan dan pameran itu akan memperagakan konsep "Pameran Perdagangan", yang menyatukan peluang-peluang perdagangan dan perniagaan ke dalam program utama acara itu.

Pusat bagi Peluang-peluang Perniagaan ASCOPE akan ditubuhkan di PWTC untuk menjadi platform bagi interaksi dan perangkaian di kalangan para perwakilan.

Di situ, para wakil akan memperolehi maklumat secara peribadi mengenai dasar-dasar dan prosedur-prosedur bagi berniaga dengan Syarikat-syarikat Minyak Negara ASEAN (NCO).

Adalah dijangka bahawa melalui pusat itu, penghubungan perniagaan baru akan dibentuk dan ikatan lama akan diperbaharui, dengan itu memperkukuhkan dan mempertingkatkan perhubungan di dalam persaudaraan minyak dan gas sedunia. -- BERNAMA

RBS KTC OS